



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 DIRASMIKAN, CATAT 7 REKOD *MALAYSIA BOOK OF RECORDS* DAN PERKENAL SISTEM HIJAU PERTAMA NEGARA

HULU LANGAT, 20 Ogos 2025 – Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 yang merupakan LRA kedua terbesar di Malaysia telah dirasmikan hari ini oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Projek ini telah mencatat rekod kebangsaan dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) serta memperkenalkan sistem hijau pelupusan berkonveyor rawatan sisa air pertama negara.

Projek berimpak tinggi ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) serta Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang merupakan salah sebuah agensi di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). LRA Langat 2 adalah sebahagian daripada Skim Penyaluran Air Mentah Pahang – Selangor, yang dibina bagi memastikan bekalan air yang stabil dan berkualiti untuk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dengan kapasiti 1,130 juta liter sehari (JLH), LRA Langat 2 kini telah beroperasi sepenuhnya dan membekalkan air terawat kepada pengguna di Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya. Projek yang dibina oleh PAAB untuk Air Selangor ini melibatkan kos pembinaan berjumlah RM4.2 bilion dan memberi manfaat langsung kepada kira-kira 791,000 akaun pengguna.

Antara pencapaian Malaysia Book of Records (MBOR) melalui pelaksanaan projek ini:

2024: Terowong Air Terawat Dwi-Fungsi Terpanjang dan Terowong Paip Kembar Selari Air Terawat Terpanjang.

2025: Sistem Pengangkutan Sisa Rawatan Air Menggunakan Paip Konveyor Pertama di Malaysia, Sistem Pengangkutan Sisa Rawatan Air Menggunakan Paip Konveyor Terpanjang di Malaysia – 1.918km, dan Sistem Konveyor Skru Tanpa Aci Terpanjang di Malaysia – 46m.

Loji ini menghasilkan sehingga 400 tan sisa rawatan sehari. Pelaksanaan sistem hijau pelupusan berkonveyor membolehkan sisa air yang telah dirawat dihantar secara automatik hampir dua kilometer ke tapak pelupusan berdekatan Kolam Imbangan Bukit Enggang. Hal ini mengurangkan risiko keselamatan jalan raya serta pelepasan karbon.

Kerajaan kini memberi tumpuan kepada perancangan LRA Langat 2 Fasa 2, dengan kapasiti reka bentuk 760 JLH dan kos sekitar RM3.669 bilion. Projek ini dijangka siap pada 2030 untuk memenuhi keperluan bekalan air di Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya, selari dengan unjuran pertumbuhan penduduk dan keperluan industri.

Majlis perasmian LRA Langat 2 ini turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

PETRA komited untuk terus memacu dan meningkatkan pembangunan infrastruktur air melalui kerjasama strategik antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, PAAB dan operator air. Langkah ini sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mementingkan aspek keterangkuman dan kemampanan sumber demi memastikan bekalan air yang selamat, dan berkualiti dapat dipenuhi bagi keperluan rakyat seterusnya menyokong pembangunan sosioekonomi negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
20 OGOS 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

